

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN SYAHREDZAN BIN JOHAN [BANGI]**  
**TARIKH : 26 OKTOBER 2023 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada terdapat perancangan untuk menambah laluan Bus Rapid Transit (BRT) di Lembah Klang dan sekiranya ada, garis masa pelaksanaan rancangan tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Konsep Bus Rapid Transit (BRT) merupakan perkhidmatan bas yang mempunyai lorong khas dan melalui sebahagian jalan sedia ada. Pelaksanaan BRT untuk diperluaskan ke kawasan berpotensi memerlukan kajian yang lebih menyeluruh dan komprehensif melalui koordinasi antara agensi-agensi yang berkaitan.

2. Gambaran fokus terkini adalah pelaksanaan percubaan lorong bas, "*Proof of Concept*" (POC) di Jalan Ampang yang bermula pada 3 Julai 2023 sehingga 31 Disember 2023 dan cadangan peluasan inisiatif ini di Jalan Cheras-Loke Yew, Jalan Kuching dan Jalan Genting Klang. Percubaan ini juga adalah sebahagian daripada rancangan jangka panjang bagi usaha pelaksanaan BRT di masa hadapan.

Sekian, terima kasih.